

**UCAPAN PRESIDEN MUIS
HJ MOHD ALAMI MUSA
MAJLIS IFTAR MUIS
16 AUG 2011
MASJID AL-AMIN**

Bulan Ramadan adalah bulan yang sangat mulia. Marilah kita merebut peluang di bulan Ramadan ini untuk bermuhasabah dan memperbaiki diri. Marilah kita menguatkan keimanan, memuliakan akhlak dan memperkayakan minda kita. Untuk ini masjid-masjid giat mengadakan kuliah atau pun tazkirah, mengenai tema Al-Quran. Walaupun tema sepanjang Ramadan tahun ini adalah mengenai Al-Quran, ia tidak hanya terhad kepada bacaan sahaja. Kami telah meminta penyampai-penyampai kuliah serta tazkirah supaya menekankan pentingnya pemahaman serta penghayatan kandungan Al-Quran di dalam kehidupan kita. Ini menunjukkan iltizam kami untuk meningkatkan tahap pemikiran masyarakat di dalam pengamalan agama mereka. Peningkatan pemikiran dan pengayaan minda dalam kehidupan beragama adalah salah satu matlamat di dalam usaha Muis untuk mengemaskini pendidikan Islam bagi golongan dewasa.

2 Di luar bulan Ramadan, peningkatan tahap pemikiran beragama juga diberi perhatian di dalam kuliah-kuliah agama. Pejabat Mufti dengan kerjasama asatizah tempatan telah menghasilkan garis pandu supaya kandungan yang disampaikan padat dengan pengisian yang berakarkan ilmu-ilmu asas agama dan yang dikait-rapatkan dengan aplikasi di dalam kehidupan

masyarakat. Penekanan kepada aplikasi mendorong masyarakat kita merenung dan berfikir untuk mengguna-pakai ilmu agama di dalam kehidupan mereka. Oleh kerana itu, bukan hanya hukum-hukum agama dikupas di dalam kuliah-kuliah, malah, prinsip-prinsip di sebalik hukum itu dijelaskan supaya pelaksanaannya lebih bermakna.

3 Mengaitkan ilmu-ilmu agama dengan pengalaman kehidupan umat di dunia merupakan keutamaan kami di dalam proses mengemaskini sistem pendidikan Islam untuk orang-orang dewasa. Berpandukan prinsip bahawa ilmu agama bukan hanya untuk kehidupan akhirat sahaja, Muis telah merombak pengisian khutbah Jumaat. Pejabat Mufti telah merombak kurikulum khutbah sepanjang tahun yang bukan hanya menyentuh soal-soal akhirat sahaja, tetapi menyentuh soal-soal keduniaan. Selain dari berkhotbah mengenai tema-tema seperti “Islam & Iman” dan “Sifat-Sifat Allah”, khutbah kita juga menyentuh soal-soal kehidupan hari ini seperti “Isu-isu Kekeluargaan” dan “Keperluan Mendalami Sains Moden”.

4 Pendek kata, sistem pendidikan Islam yang sedang dikemaskinikan disokong dua tunggak ilmu keagamaan. Yang pertama, ilmu yang menguatkan hubungan kita dengan Tuhan (HablumminAllah) dan kedua ilmu yang membantu kita berhubungan dengan sekitaran kita di dunia ini (Hablumminnas). Ilmu-ilmu agama yang membimbing umat untuk hidup sebagai Muslim yang baik dengan insan yang lain bahkan dengan semua makhluk ciptaan Tuhan akan menyempurnakan ilmu agama kita. Kita perlu memberi

panduan keagamaan di dunia ini supaya umat Islam dapat mencapai kesejahteraan di akhirat.

5 Justeru itu, Muis telah mengambil inisiatif baru untuk membangunkan satu kurikulum menyeluruh (master curriculum) sebagai panduan untuk mengemaskinikan sistem pendidikan Islam bagi masyarakat Islam. Di tengah-tengah kurikulum ini adalah ilmu-ilmu asas agama untuk menguatkan ketahanan keagamaan, meningkatkan taqwa dan membangunkan insan al kamil (sebaik-baik insan). Ini adalah inti kurikulum Islam bagi semua. Ia akan dilengkapi dengan ilmu-ilmu keagamaan yang lain untuk membentuk insan berwatak khalifah yang menyumbang kepada kesejahteraan semua. Tambahan pula, kurikulum ini akan cuba membangun minda masyarakat untuk menerima pembaharuan melalui semangat berijtihad di dalam mencari penyelesaian kepada persoalan-persoalan unik yang dihadapi umat pada hari ini. Akhir sekali, kurikulum ini akan mengukuhkan pandangan hidup masyarakat untuk menerima kepelbagaian sebagai fitrah hidup dan anugerah dari Allah swt.

6 Kurikulum menyeluruh ini akan digunakan sebagai rujukan untuk menyelaraskan semua bentuk pendidikan Islam yang disampaikan kepada masyarakat Muslim Singapura. Malah, kami telah mendapatkan pandangan dan usaha-sama para asatizah kita untuk bersama-sama membangunkan kurikulum ini supaya ia sesuai untuk semua peringkat masyarakat kita.

Ini akan menambahkan lagi keberkesanan pendidikan Islam kita untuk meningkat tahap pemikiran keagamaan masyarakat Islam Singapura serta menguatkan lagi keimanan mereka.

Sekian. Terima kasih.